

SULIT
1103/2
B.Melayu
Kertas 2
Ogos 2013
2 1/2 jam

SMK SEKSYEN 4 KOTA DAMANSARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2013

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

Dua jam 30 minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.


Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak.

[Lihat muka surat sebelah]

Disediakan oleh,

.....

(JULMAZIAH SAайдIN)
Guru mata pelajaran

Disemak oleh,

.....

MARIAM BT MUSA
Ketua Papan Bahasa Melayu,
SMK Seksyen 4 Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.

Disahkan oleh,

.....

AZIMAH BT. MUHAMMAD
Penolong Kanan
SMK Seksyen 4 Kota Damansara

Soalan 1: Rumusan

(30 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan integriti Polis Diraja Malaysia dan kesan terhadap usaha tersebut. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pada tahun 2007, genaplah 200 tahun usia pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sejak diwujudkan, PDRM mula memperlihatkan pelbagai perubahan serta pengalaman suka dan duka yang sering mencabar integritinya. Dengan kepesatan perkembangan teknologi pada alaf ke-21, kredibiliti dan integriti PDRM sering terjuji. PDRM bukan sahaja berhadapan dengan jenayah di dalam negara, bahkan menerima ancaman hebat dari seluruh dunia. Seperti agensi kerajaan yang lain, PDRM terpaksa berhadapan dengan masalah disiplin yang melibatkan anggotanya seperti salah guna kuasa, rasuah dan jenayah. Kesan daripada masalah ini, keyakinan rakyat terhadap integriti polis berada pada tahap yang rendah.

Salah satu kaedah praktikal untuk meningkatkan kredibiliti PDRM, iaitu dengan meningkatkan kualiti modal insan melalui pendedahan pelbagai ilmu serta latihan yang berterusan dalam kalangan anggota PDRM. Selain itu, penambahan jumlah anggota PDRM sebanyak 60 000 orang daripada 97 000 orang sekarang juga berupaya meningkatkan integriti PDRM. Dengan peningkatan bilangan anggota polis ini diharapkan siasatan boleh dibuat dengan cepat. Kerajaan pula wajar merestui dan membiayai hasrat PDRM untuk mewujudkan universiti polis.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) kerap menerima aduan berhubung dengan dakwaan salah laku anggota PDRM. Antara aduan yang diterima termasuklah siasatan polis yang lewat, Salah guna kuasa, keganasan polis, penahanan tanpa penjelasan, kematian dalam tahanan dan tidak membenarkan perhimpunan awam. Atas kepekaan kerajaan terhadap aduan-aduan ini, maka satu Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan Perjalanan Pengurusan PDRM telah ditubuhkan.

PDRM juga harus mempunyai hubungan yang mesra dengan masyarakat agar memperoleh tanggapan positif daripada mereka. Orang awam perlu dibenarkan membuat aduan di tempat urusan yang mudah. Hal ini demikian kerana sebelum ini, sering berlaku pengadu diarahkan ke tempat lain. Tindakan harus dikenakan kepada anggota yang terbabit.

Dalam usaha menjaga kebijakan anggota PDRM, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengusulkan kenaikan gaji anggota PDRM sebanyak 20 peratus. Kenaikan gaji pada kadar yang setimpal diharapkan dapat mengurangkan kegiatan rasuah dalam kalangan anggota polis. Beliau juga mencadangkan kaedah proses kenaikan pangkat yang baharu. Melalui kaedah baharu ini, akan lahir pegawai yang lebih berkualiti kerana mereka perlu melalui proses kenaikan pangkat yang telus dan bersih. PDRM juga perlu meningkatkan program Rakan Polis (Rakan Cop) untuk merapatkan hubungan polis dengan rakyat. Kewujudan Rakan Cop memudahkan orang awam menyampaikan maklumat melalui sistem pesanan ringkas ataupun terus menelefon pihak polis. Gandingan pihak polis dengan orang awam perlu lebih erat terjalin seperti aur dengan tebing.

(Dipetik dan diubah suai daripada
“Meningkatkan Integriti PDRM”
Dewan Masyarakat, Jun 2007)

Soalan 2: Pemahaman
(35 markah)

Soalan 2(a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mencabar integriti*. [2 markah]
- (ii) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga menggugat integritinya? [3 markah]
- (iii) Pihak polis sering dikritik kerana tidak membenarkan perhimpunan awam diadakan. Pada pendapat anda, apakah alasan pihak polis tidak membenarkan perhimpunan awam diadakan? [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pak Itam masih berdiri di pintu pagar menunggu tamu. Walaupun hari sudah tinggi, tamu yang jauh masih tidak nampak muka. Tempat letak kereta hanya ada dua tiga buah. Kereta yang lalu-lalang, bas dan teksi meluncur laju, tidak nampak oleh Pak Itam tanda-tanda akan berhenti. Di manakah jemputan yang lain? Di manakah budak-budak surat khabar? Televisyen pun tidak ada. Yang datang hanya anak-anak Langat, itu pun kerana adanya kumpulan Kopratas.

Pak Itam tiba-tiba menjadi sayu. Terlalu cepat orang melupakan jasa dan pengorbanan orang tua. Pak Itam bukan minta disanjung, Pak Itam bukan minta dihormati tetapi sekadar ingin bersua muka. Pak Itam menarik sapu tangan dalam poket baju Melayunya, terketar-ketar menyapu peluh yang mulai merintik di seluruh mukanya.

(Dipetik daripada cerpen ‘Memori Seorang Tua’
Oleh Zahari Affendi, dalam Antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Gambarkan gerak-geri Pak Itam dalam petikan di atas. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat kini sering melupakan jasa pejuang negara? [3 markah]
- (iii) Jelaskan satu persoalan dalam petikan dan dua persoalan dalam keseluruhan cerpen tersebut. [3 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Setelah itu diberinya pula Awang Sulung sebilah parang, disuruhnya mencari kayu. Orang mengambil kayu bakau dan temu laut tetapi Awang Sulung mengambil batang nipah.

“Apa gunanya menyimpan budak hitam ini? Disuruh mengambil air diambilnya air masin, disuruh mengambil kayu diambilnya batang nipah.....,” bebel jurumudi itu di depan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa.

Waktu diadakan kenduri, jurumudi menyuruh Si Kembang Cina memberikan sisa-sisa nasi di dalam tempurung berbulu untuk Awang Sulung. Sedang Si Kembang Cina membuat kerja itu terpandanglah oleh Tuan Puteri Dayang Seri Jawa lalu dimarahinya. “Mengapa kau buat begini, hai perempuan celaka? Bapa engkau atau laki engkaukah si jurumudi bedebah itu?”

Kemudian disuruhnya Si Kembang Cina menyediakan hidangan istimewa untuk Awang Sulung dengan talamnya beralaskan kain kuning.

“Sudah itu bawa buyung suasa yang berisi air masin itu ke mari,” perintahnya lagi.

Tuan Puteri Dayang Seri Jawa merasa air masin di dalam buyung itu sudah bertukar menjadi manis bagai serbat, lalu disuruhnya pula Si Kembang Cina merasanya. Si Kembang Cina merasa takjub. Bagaimanakah air masin boleh bertukar menjadi serbat?

“Lain kali ingat sedikit perbuatanmu itu!” Kata Tuan Puteri Dayang Seri Jawa sambil *menunjal muka* Si Kembang Cina.

(Dipetik daripada ‘Pelayaran yang Penuh Peristiwa’
dalam Antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menunjal muka*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan-tindakan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa apabila melihat Si Kembang Cina mengerjakan suruhan jurumudi? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang wajar dilakukan oleh Si Kembang Cina apabila disuruh menyediakan sisa nasi di dalam tempurung berbulu kepada Awang Sulung? [3 markah]

Soalan 2(d)- Puisi Tradisional

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

SELOKA SI LUNCAI

Sikap Si Luncai, biarkan, biarkan ...
Ada rumah tidak dijaga,
Ada anak tidak dilatih,
Ada ternakan tidak dibela,
Ada kebun tidak ditanam,
Ada cerdik tidak selidik,
Ada belajar kepalang ajar,
Ada mengaji tiada mengkaji,
Ada mata tiada kuasa,
Ada kuat tiada buat,
Biarkan, biarkan ...!
Si Luncai pun terjun dengan labu-labunya

(Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan tiga sikap negatif Si Luncai . [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita mesti berfikir dahulu sebelum bertindak? [3 markah]
- (iii) Jelaskan pengajaran yang terdapat dalam seloka di atas. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis *satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) sukarelawan
(ii) cendekiawan
(iii) peragawan
(iv) jelitawan
(v) budayawan
(vi) sasterawan

[6 markah]

- (b) Tulis perbualan di bawah dalam bentuk cakup pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam perbualan tersebut.

Vikram: Cuti sekolah baru bermula. Apakah yang patut kita lakukan pada musim cuti sekolah ni?

Tan: Banyak kegiatan berfaedah yang dapat kita lakukan untuk mengisi masa lapang semasa cuti sekolah.

Dhani: Betul kata awak, Tan. Mungkin kita wajar menggunakan masa dengan membuat ulang kaji secara berkumpulan.

Vikram: Benar. Dengan mengulang kaji pelajaran, kita dapat menambah pengetahuan dan juga mengisi masa lapang.

Dhani: Saya dengar pihak sekolah akan menganjurkan rombongan ke Pulau Pinang pada minggu hadapan.

Tan: Program rombongan sambil belajar seperti itu banyak faedahnya.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kawasan yang disyaki menjadi tempat bersembunyi koncu-koncu pemberontak itu sedang diawasi oleh pihak tentera.
- (ii) Ketua Panitia Sejarah telah mengarahkan semua guru mata pelajaran mengemaskini fail Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di bawah penyelia masing-masing.
- (iii) Setiap pelajar yang mengikuti seminar itu diminta mengecam struktor ayat yang menyalahi hukum tatabahasa.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Di setiap akhir bulan, ayah menjelaskan bayaran bagi akhbar yang dibelinya setiap hari.
- (ii) Fitnah yang dihadapinya di mahkamah berpunca dari wang amanah yang hilang dalam simpanannya.
- (iii) Pengetua akan membincangkan tentang masalah-masalah yang ditempuhi oleh guru pada minggu hadapan.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- (i) Walaupun telah bertahun-tahun lamanya Saziman bekerja di luar negara, akhirnya dia mengambil keputusan untuk pulang ke tanah airnya.
- (ii) Sia-sia sahaja ayah menasihati Abang Amir kerana nasihat ayah itu langsung tidak dipedulikannya.
- (iii) Tun Abdul Razak dikenang kerana jasa-jasanya yang banyak dalam membangunkan negara.

[6 markah]

Soalan 4: Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) PAPA...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amir Hamzah L.Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan perkara-perkara yang diketengahkan oleh pengarang yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

[7 markah]

- (b) Unsur saspens digunakan dalam novel untuk menarik perhatian pembaca. Jelaskan unsur saspens yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 2 PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2013

SOALAN 1-Rumusan

Pendahuluan

Petikan membincangkan usaha-usaha/tindakan-tindakan/ strategi-strategi untuk meningkatkan integriti Polis Diraja Malaysia dalam kalangan masyarakat.

Isi tersurat - Langkah-langkah untuk meningkatkan integriti PDRM:

- S1 Menigkatkan kualiti modal insan melalui pendedahan pelbagai ilmu serta latihan
- S2 Penambahan jumlah anggota PDRM sebanyak 60 000 orang
- S3 Kerajaan pula wajar merestui dan membiayai hasrat PDRM untuk menubuhkan university
- S4 Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan Perjalanan Pengurusan PDRM telah ditubuhkan
- S5 PDRM harus mempunyai hubungan mesra dengan masyarakat
- S6 Orang awam perlu dibenarkan membuat aduan di tempat urusan yang mudah
- S7 Ketua Polis Negara mengusulkan kenaikan gaji anggota PDRM sebanyak 20 peratus
- S8 Mencadangkan kaedah proses kenaikan pangkat yang telus dan bersih
- S9 PDRM juga perlu meningkatkan program Rakan Polis (Rakan Cop)

Isi tersirat – Kesan

- T1 Keyakinan masyarakat terhadap PDRM meningkat
- T2 Undang-undang negara dapat ditegakkan
- T3 Menarik minat masyarakat untuk menyertai PDRM
- T4 Keamanan negara lebih terjamin
- T5 Salah laku anggota PDRM berkurangan

Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap anggota polis perlu mempunyai komitmen untuk menjalankan tugas agar dapat Memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

SOALAN 2(a) - Petikan umum

- (i)...mempersoalkan/mempertikaikan keutuhan/kewibawaan
- (ii)...berhadapan dengan masalah jenayah dalam negara
 - ...menerima ancaman hebat dari seluruh dunia
 - ...masalah disiplin yang melibatkan anggotanya seperti salah guna kuasa, rasuah dan jenayah
 - ...masalah keyakinan rakyat terhadap integriti polis pada tahap yang rendah

- (iii)...menjaga ketenteraman awam agar tidak berlaku kekacauan
...mengganggu perjalanan lalu lintas sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas
...memberi gambaran butuk kepada masyarakat luar
...bimbang ada pihak yang mengambil kesempatan untuk menghasut masyarakat
...membazirkan masa pihak polis untuk memantau perjalanan perhimpunan
(Terima jawapan lain jika munasabah)

SOALAN 2(b) – Petikan Cerpen

- (i)... berdiri di pintu pagar menunggu tetamu
...menarik sapu tangan dalam poket baju Melayunya
...terketar-ketar menyapu peluh yang mulai merintik di seluruh mukanya
- (ii)...sibuk dengan urusan harian masing-masing
...hanyut oleh kemewahan dan kesenangan hidup
...tidak dididik dengan nilai menghargai jasa dan pengorbanan orang tua
...luntur semangat patriotik
(terima jawapan lain jika munasabah)
- (iii) Persoalan dalam petikan
...jasa dan pengorbanan yang tidak lagi dipedulikan oleh sesetengah anggota masyarakat. Jasa Pak Itam sebagai pejuang negara kini dipandang oleh masyarakat.

Persolan dalam keseluruhan cerpen
...perjuangan yang tidak mengharapkan balasan. Pak Itam sanggup keluar masuk penjara asalkan orang Melayu dapat memerintah negara mereka sendiri
...Kasih sayang ayah terhadap anaknya. Walaupun sudah lama terpisah, Pak Itam tetap merindui anaknya Izwan dan Nuryani Iman

SOALAN 2(c) – Prosa klasik

- (i)... menunjuk dan menyentuh jari telunjuk ke wajah
- (ii)...memarahi Si Kembang Cina kerana mengikut arahan jurumudi
...menyuruh Si Kembang Cina menyediakan hidangan istimewa untuk Awang Sulung Merah Muda
...menyuruh Si Kembang Cina mengambil buyung berisi air masin
...merasa air tersebut
...menyuruh Si Kembang Cina merasanya juga
- (iii)...menasihati jurumudi agar melayan semua orang secara baik
...mengadu perkara tersebut kepada Tuan Puteri Dayang Seri Jawa
...menghidangkan makanan kepada Awang Sulung seperti tetamu lain tanpa pengetahuan jurumudi
(Terima jawapan lain jika munasabah)

SOALAN 2(d)- Puisi Tradisional

- (i)...pemalas
...tidak bertanggungjawab
...tidak mengamalkan ilmu yang diperoleh

- (ii)...supaya tidak memudaratkan diri sendiri
 - ...supaya hasil yang diharapkan akan tercapai
 - ...supaya tidak menyusahkan orang lain
 - ...supaya tugas dapat diselesaikan secara teratur/terancang
 - (terima jawapan lain jika munasabah)
- (iii)...kita mestilah menjaga harta yang kita miliki dengan sebaik-baiknya
 - ...Ibu bapa mestilah menunaikan tanggungjawab terhadap anak-anak
 - ...kita mestilah berusaha untuk beroleh kejayaan

SOALAN 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Perhatian bagi Soalan 3(a)

Beri 1 markah bagi setiap ayat yang betul. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / isi yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.

1. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
2. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
3. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
5. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
7. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
8. Sengaja menambah imbuhan atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

3(a) bina ayat- maksud dan contoh ayat

- (i) sukarelawan- orang lelaki yang melakukan sesuatu dengan sukarela
Sukarelawan yang berkhidmat di kawasan bencana alam itu berasa terharu apabila melihat Kemusnahan yang berlaku di kawasan tersebut.
- (ii) Cendekiawan-orang cerdik pandai/golongan terpelajar/intelektual
Banyak **cendekiawan** yang telah dilahirkan melalui penubuhan pelbagai university di Negara ini.
- (iii) Peragawan-lelaki yang memperagakan,mempamerkan pakaian dll yang dipakainya
Peragawan itu sedang memperagakan fesyen terbaru rekaan pereka fesyen yang terkenal itu.
- (iv) Rupawan-cantik/elok rupanya
Wajahnya yang **rupawan** memukau hati sesiapa yang memandangnya
- (v) Budayawan-ahli dalam bidang kebudayaan
Para **budayawan** berkumpul di Kuala Lumpur untuk menghadiri konvensyen tentang budaya serantau
- (vi) Sasterawan-orang yang melahirkan karya sastera/ahli sastera
Sasterawan terkenal itu telah memenangi pelbagai anugerah di luar Negara

3(b) Tukar cakap ajuk kepada cakap pindah

- (i) Vikram bertanya kepada rakannya Tan dan Dhani tentang perkara yang patut dilakukan oleh Mereka pada musim cuti sekolah yang baru bermula
- (ii) Tan menjelaskan bahawa banyak kegiatan berfaedah yang dilakukan oleh mereka untuk mengisi masa lapang pada musim cuti sekolah

- (iii) Dhani bersetuju dengan pendapat Tan dan dia mencadangkan mereka menggunakan masa dengan mengulang kaji pelajaran secara berkumpulan.
- (iv) Vikram bersetuju dengan cadangan Dhani kerana aktiviti itu dapat menambah pengetahuan dan mengisi masa lapang.
- (v) Dhani menyatakan bahawa pihak sekolah akan menganjurkan rombongan ke Pulau Pinang pada minggu hadapan.
- (vi) Tan pula menambah bahawa program rombongan sambil belajar itu banyak faedahnya.

3(c) :

Kesalahan ejaan

Kesalahan Imbuhan

- | | |
|-----------------------------------|---------------------------------|
| (i) Kuncu-kuncu - konco-konco | (i) bersembunyi - persembunyian |
| (ii) mengemaskini - mengemas kini | (ii) penyelia -penyeliaan |
| (iii)struktur-struktur | (iii) mengecam - mengecamkan |

3(d) :

Kesalahan penggunaan kata/istilah

Kesalahan tatabahasa

- | | |
|----------------------------|---|
| (i) dibeli - dilanggan | (i) di - pada |
| (ii) fitnah - dakwaan | (ii) dari - daripada |
| (iii) ditempuhi - dihadapi | (iii) membincangkan tentang masalah-masalah - membincangkan masalah-masalah |

3(e) Peribahasa

- (i) Setinggi-tinggi terbang bangau akhirnya hinggap di belakang kerbau juga/ Seperti ikan pulang ke lubuk.
- (ii) Seperti mencurahkan air ke daun keladi
- (iii) Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama

SOALAN 4: Novel

4(a) Perkara-perkara yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca

- i. PAPA...(akhirnya kau tewas ju!) karya Deana Yusof
 - 1) Anak tidak sah taraf juga berhak untuk dilayan seperti anak sah taraf.Intan Julia bersahabat baik dengan Rasylan walaupun dia tahu latar belakang Rasylan sebagai anak tidak sah taraf.
 - 2) Poligami dibenarkan dalam Islam dengan hikmah dan kepentingan tertentu ...Jeffri berkahwin lain untuk memenuhi fitrah hidup sebagai lelaki. Dia masih tetap menyayangi mama walaupun dia berkahwin lain.
 - 3) Kehidupan berumah tangga memerlukan pengorbanan untuk mencapai kebahagiaanIntan Maliana sanggup mengambil risiko mengandung lagi demi membahagiakan suaminya
- ii. Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - 1) Setiap yang berlaku ada hikmah di sebaliknyaPercintaan Hilmi dan Hayati tidak kesampaian kerana mereka adik-beradik kandung

- 2) Kelulusan akademik bukan penentu kejayaan hidup sebaliknya usaha dan kegigihan yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang
....Hilmi berjaya menjadi pemuzik terkenal walaupun dia hanya berkelulusan sekolah rendah.
Dia berjaya kerana usaha gigihnya sendiri.
- 3) Kejujuran dan keikhlasan dalam menghulurkan bantuan merupakan sikap terpuji
...Encik Bakar mengajar Hilmi bermain alat muzik secara percuma dengan ikhlas

4 (b) Unsur Saspens dalam novel

- (i) PAPA...(akhirnya kau tewas ju!) karya Deana Yusof
 1. Pembaca tertanya-tanya tentang keadaan Maliana yang mengandung itu. Maliana masih meneruskan kebajikan itu walaupun menyedari bahawa risikonya amat tinggi terutama selepas mengalami masalah ketika melahirkan Julia dulu.
 2. Saspens ketika Intan Maliana berada di dalam bilik pembedahan di HUKM untuk melahirkan anak keduanya – pembaca tertanya-tanya tentang keselamatan Intan Maliana dan bayi yang bakal dilahirkannya – pembaca ingin tahu sama ada Intan Maliana akan menghadapi komplikasi yang sama ketika melahirkan Intan Julia atau sebaliknya
 3. Pembaca tertanya-tanya tentang kesudahan hubungan papa dan Aisyah. Julia menentang hubungan itu dan melihat hubungan mereka itu sebagai tidak elok atau curang kerana mama masih hidup.
 4. Pembaca tertanya-tanya nasib Marliana yang dalam keadaan koma itu. Sebaik sahaja melahirkan anak kembarnya, Marliana tidak sedar diri lalu pembaca ingin tahu sama ada Intan Marliana akan pulih atau tidak
- (ii) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 1. Antara peristiwa yang mengandungi unsur saspens termasuklah rancangan Hilmi setelah meninggalkan rumah Datuk Johari. Apabila Hilmi sudah tidak tahan dengan kerenah Datin Salmah, maka Hilmi menaiki bas untuk pulang ke kampung. Dalam konteks tersebut, pembaca teringin-ingin tahu apakah pekerjaan yang akan dilakukan Hilmi apabila tiba di kampung. Sebaliknya, semasa di Tanjung Malim, Hilmi menaiki teksi ke Kuala Lumpur. Pembaca teringin-ingin sekali lagi mengenai liku-liku hidup yang akan dilalui oleh Hilmi apabila dia tiba di Kuala Lumpur.
 2. Selain itu, unsur saspens juga boleh didapati ketika Encik Bakar dipanggil oleh Persatuan Pemain-pemain Muzik Nasional. Encik Bakar telah melanggar arahan Persatuan Pemain-pemain Muzik Nasional kerana menggunakan khidmat Hilmi untuk mengadakan persembahan di Hotel Titiwangsa. Pembaca tertanya-tanya sama ada Encik Bakar akan dikenakan hukuman yang berat oleh tatatertib apabila dia dipanggil oleh jawatankuasa persatuan itu kerana melanggar arahan mereka.
 3. Di samping itu, perjumpaan antara Hayati dengan Hilmi telah menyebabkan pembaca ingin mengetahui perkembangan lanjut tentang cerita Konserto Terakhir. Sebelum Hayati berangkat ke London dengan Mohsin yang sudah menjadi suaminya, Mamat telah mengatur perjumpaan Hayati dengan Hilmi di kebun bunga. Perkara utama yang ingin diketahui pembaca ialah sebab-sebab Hayati ingin menemui Hilmi dan perkara yang hendak disampaikan oleh Hayati kepada Hilmi.